



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SULTAN ABDUL HALIM,

TUGASAN PROJEK

TAJUK PROGRAM	Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah	NAMA PELAJAR	
KOD DAN NAMA KURSUS	PIN 2103 Pengenalan Pendidikan Islam	SEMESTER	Pertama

Tarikh mula	4 Mac 2013	Tarikh hantar	11 April 2013
--------------------	-------------------	----------------------	----------------------

Hasil Pembelajaran Kursus

1. Menghuraikan Falsafah Pendidikan Islam menurut al-Quran, al-Sunnah, Al-Ghazali serta falsafah Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Menganalisis konsep Pendidikan Islam serta hala tuju dan cabaran Pendidikan Islam di Malaysia
3. Menganalisis dan menilai sejarah perkembangan Pendidikan Islam dari zaman Rasulullah s.a.w hingga kini.
4. Menganalisis kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KSSR
5. Mengaplikasi latihan profesionalisme untuk meningkatkan sahsiah guru Pendidikan Islam

Kerja kursus ini melibatkan Hasil Pembelajaran 1, dan 4 sahaja.

Objektif Projek:

Pelajar dapat melaksanakan tugas-tugas berikut:

1. Menghasilkan sebuah esei tentang analisis Falsafah Pendidikan Islam.
2. Menghasilkan sebuah buku skrap tentang perbandingan antara KBSR dan KSSR.
3. Menghasilkan satu penulisan refleksi berkaitan tugas.

Tugasan Projek (100%)

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras di semua sekolah kebangsaan di Malaysia. Kerajaan sangat mengambil berat tentang prestasi mata pelajaran ini terutama penguasaan perkara-perkara asas fardhu ain dan tilawah al-Quran. Kerajaan juga berusaha memastikan perkembangan Pendidikan Islam sejajar dengan perkembangan sistem pendidikan di Malaysia. Justeru kerajaan telah membentuk Falsafah pendidikan Islam sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah ini telah menjadi teras pergarahan pembangunan sistem Pendidikan Islam di Malaysia sentiasa memenuhi tuntutan keperluan Malaysia yang akan dinobatkan sebagai sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Oleh sebab itu sistem Pendidikan Islam turut berubah sejajar dengan transformasi sistem pendidikan negara daripada KLSR dan KBSR hinggalah KSSR.

Soalan Tugasan

1. **Secara berkumpulan** anda dikehendaki dikehendaki menyediakan buku skrap tentang perbandingan antara KBSR dan KSSR. Anda dikehendaki mempersembahkan buku skrap ini dalam bentuk grafik atau peta minda. (40%)
2. **Secara berkumpulan** juga, anda dikehendaki dikehendaki menulis sebuah esei tentang analisis elemen-elemen yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Islam Malaysia. (40%)
3. **Secara individu** pula, anda dikehendaki merumuskan refleksi yang bermakna untuk menganalisis pengalaman yang dilalui dan pengetahuan baru yang dicapai sepanjang menghasilkan tugasan ini. (20%)

Panduan Pelaksanaan Projek

Arahan Am:

1. Tugasan ini hendaklah disediakan secara **kumpulan (buku skrap dan esei) dan individu (refleksi)**.
2. Anda dikehendaki menyediakan tugasan ini dalam bentuk penulisan **esei dan buku skarap**.
3. Panjang esei antara **2500 hingga 3000 perkataan atau tidak lebih daripada 15 muka surat**.
4. Rujukan tidak termasuk dalam pengiraan jumlah perkataan.

5. Rujukan mesti mengikut **format APA** sepenuhnya.
6. Buku skrap pula hendaklah disediakan antara **15-20 muka surat bersaiz A4**.
7. Anda dikehendaki membuat satu penulisan refleksi. Penulisan refleksi anda perlu merangkumi aspek-aspek berikut:
 - a. Pengalaman anda semasa melakukan tugas ini (proses temubual, mencari maklumat dan lain-lain)
 - b. Masalah yang hadapi semasa menjalankan tugas dan bagaimana mengatasinya.
 - c. Huraikan bagaimana pengalaman anda dalam menjalankan tugas ini mampu meningkatkan kefahaman anda tentang perkembangan kognitif individu.
 - d. Panjang penulisan refleksi **tidak melebihi tiga muka surat**.
8. Tugas ini perlu diserahkan kepada **pensyarah/tutor yang mengajar kelas masing-masing**.
9. Format tugas mestilah menggunakan font **Arial bersaiz 11** dengan **langkauan 1.5**.
10. Amalan plagiat adalah dilarang sama sekali.
11. Tugas ini membawa markah 100% dengan wajaran 50%.
12. **Warna kulit** tugas diselaraskan dengan tugas kursus-kursus lain bagi kumpulan DPLI.
13. Penulisan tugas hendaklah meliputi piawai-piawai berikut:
 1. Kulit hadapan mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. Nama institut dan logo.
 - b. Tajuk Tugas.
 - c. Kod dan mata pelajaran.
 - d. Nama pelajar dengan nombor kad pengenalan.
 - e. Gambar Pelajar.
 - f. Nama pensyarah pembimbing dan jabatan.
 - g. Tarikh serahan (Kosongkan dan ditulis tangan oleh pensyarah ketika serahan)
 2. Maklumat kolaborasi. Rekod kolaborasi dengan pensyarah untuk memantapkan laporan tugas melalui pelbagai mod komunikasi yang dipersetujui.

3. Daftar isi kandungan.
4. Jawapan tugas.
5. Rujukan.
6. Lampiran (Jika sangat perlu untuk menyokong ulasan dalam tugas).

Tugas yang baik sewajarnya menunjukkan kriteria-kriteria berikut:

1. Kandungan

- Menunjukkan pengetahuan yang sangat luas, menyeluruh dan terkini.
- Liputan yang menyeluruh, konsisten dan terperinci.

2. Perbincangan kritikal dan reflektif

- Pemahaman konseptual diaplikasikan dengan sangat berkesan.
- Hujah disokong dengan bukti yang kukuh dan tepat serta menunjukkan keupayaan membincangkan penyelidikan terkini yang berkaitan.
- Perbincangan yang amat jelas dan kritikal serta mempunyai keupayaan menganalisis dan mensintesis beserta kesimpulan yang menyeluruh.
- Dapat mencungkil pemikiran pembaca dengan berkesan.

3. Organisasi

- Organisasi maklumat yang cemerlang.
- Struktur yang sangat jelas dengan mengaitkan setiap bahagian dengan bahagian yang lain secara lojik.
- Pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan cemerlang.

4. Bahasa

- Sangat lancar. Penggunaan perbendaharaan kata yang pelbagai, luas dan bersesuaian.
- Struktur ayat betul dengan gaya bahasa yang menarik dan menepati isi yang hendak disampaikan.
- Ejaan betul.
- Sebutan jelas dan betul.

5. Kemahiran merujuk

- Rujukan yang relevan dan menunjukkan bacaan yang sangat luas daripada pelbagai sumber.
- Hasil penulisan menjurus dan menepati *Publication Manual of the American Psychological Association (APA)* serta konvensyen penulisan akademik.
- Hasil disertakan dengan bahan sokongan yang amat sesuai.

Disediakan oleh:

USTAZ MD ZUKI BIN HASHIM

Penyelaras Kursus Pengenalan Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Islam & Moral
IPGK Sultan Abdul Halim.

Disemak oleh:

USTAZ MD ZUKI BIN HASHIM

Pakar Bidang (SME) Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Islam & Moral
IPGK Sultan Abdul Halim.

Disahkan oleh:

HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD RAHMAN

Ketua Jabatan,
Jabatan Pendidikan Islam & Moral
IPGK Sultan Abdul Halim.